



LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar di **Negeri Kedah** sahaja yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM(CIDB)] dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan akan diterima di **Pejabat Bahagian Mekanikal Dan Elektrikal, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, KM. 22, Jalan Changloon, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman** pada **21 Mac 2024** sehingga jam **12:00** tengahari.


BUTIRAN SEBUTHARGA	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
MENAIKTARAF PEMACU ENJIN DISEL KEPADA MOTOR ELEKTRIK SERTA KERJA- KERJA BERKAITAN DI RUMAH-RUMAH PAM DISEL MADA. SEBUTHARGA NO. MADA(SH)/BME/P/ 12/2024	7 Mac 2024 (Khamis) Jam 9.45 pagi Pendaftaran : Jam 9.00 pagi hingga 9.30 pagi Berkumpul di Pejabat Bahagian Mekanikal Dan Elektrikal, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), KM. 22, Jalan Changloon, 06000 Jitra, Kedah. Lawatan Tapak adalah WAJIB kepada pemilik sahaja dengan membawa bersama sijil/lesen ASAL untuk diperiksa sebelum taklimat lawatan tapak.	Gred G2 Kategori ME Pengkhususan M15 (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan)	RM 10 (Satu Set) Bayaran tidak dikembalikan	21 Mac 2024 (Khamis) Jam 12.00 tengahari

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **Pejabat Bahagian Mekanikal Dan Elektrikal, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, KM. 22, Jalan Changloon, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman** mulai **7 Mac 2024 (Khamis)** sehingga **21 Mac 2024 (Khamis)** sehingga jam **12.00** tengahari pada waktu dan hari bekerja.
3. Kontraktor yang ingin membeli Dokumen Tawaran dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera** untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod.

4. Dokumen Tawaran juga boleh dibeli oleh wakil kontraktor yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen-dokumen yang disebutkan dalam Perkara 3.
5. Bayaran untuk membeli Dokumen Tawaran hendaklah dibuat dengan cara pembayaran **atas talian** di atas penama **Lembaga Kemajuan Pertanian Muda**. Pembayaran melalui tunai dan cek tidak akan diterima.
6. Dokumen Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor sebutharga dan memasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Pejabat Bahagian Mekanikal Dan Elektrikal, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, KM. 22, Jalan Changloon, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman**. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

04 MAR 2024

Tarikh :



Tandatangan :
Nama : Ir. EDDI ZAIMEE BIN ROMLI
Jawatan : Pengarah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
(MADA) Jitra